

# Buletin

# HEPA

Pejabat Ehwal Pelajar Dan Alumni

BUAL BICARA  
*bersama*

**PROF. MADYA DR. IZAIDIN ABDUL MAJID**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni  
Bersama Sidang Pengarang Buletin Hepa

اونيورسيتي تيكنيك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

LB  
3602  
.B84  
2014  
a



1 KHABAR BICARA EDITOR

LB3602 .B84 2014

2 ISI KANDUNGAN



87515890

3 SIDANG REDAKSI

**Penawung:**

Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid

**Penasihat:**

Encik Zainudin bin Ahmad

**Ketua Editor:**

Puan Syahira binti Mohd. Adnan

**Penolong Ketua Editor:**

Encik Ruzaiman bin Abdul Rahman

**Pengarang:**

Puan Noornahar binti Hj. Akashah  
Dr. Nor Raffidah binti Haron  
Dr. Asiah binti Hj. Mohd Pilus  
Tuan Haji Razali bin Abd. Jalil  
Encik Mohd. Yaszli bin Mohamed Rahis  
Encik Zulkifli bin Ishak  
Encik Amir bin Ali  
Puan Hadibah binti Tahir  
Puan Musliha binti Yusoff

**Pembaca Prof:**

Puan Mazne binti Ja'afar

**Wartawan:**

Cik Netty Muhaliza binti Mohd. Fadzil

**Edaran:**

Puan Siti Sabrinah binti Buang

# Khabar Bicara Editor



SYAHIRA BT. MOHD. ADNAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia**

Terlebih dahulu saya bagi pihak sidang redaksi Buletin HEPA mengucapkan Selamat Tahun Baru 2014. Semoga tahun ini akan dikurniakan kesihatan yang baik bagi kita semua dapat menunaikan tanggungjawab kepada organisasi dengan lebih berkesan lagi.

Banyak program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Pejabat HEPA yang meninggalkan pelbagai impak yang tinggi bagi melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dan bersahsiah murni. Usaha-usaha ini akan diteruskan lagi supaya mahasiswa UTeM dapat menafaat yang berguna setelah bergraduasi nanti.

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam merealisasikan penerbitan Buletin HEPA pada kali ini.

Sekian, terima kasih





# BUAL BICARA

*bersama*

**PROF. MADYA DR. IZ Aidin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni

Bersama Sidang Pengarang Buletin Hepa

## 1. Terlebih dahulu, bolehkah Prof. ceritakan sedikit latar belakang pengalaman Prof. sepanjang berkhidmat di UTeM.

**T**erima kasih, Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah swt. kerana dengan limpahan ehsan dan kurniaNya dapatlah saya kesempatan untuk bersama sesi wawancara Buletin HEPA. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan salam hormat kepada semua warga HEPA khususnya dan seluruh warga UTeM amnya.

Saya telah melalui banyak pengalaman seiring dengan membangunnya UTeM sejak KUTKM lagi. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 16 Julai 2001 sebagai Pensyarah (DS45) di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) sebelum dijenamakan semula kepada Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI). Saya sempat dilantik sebagai Ketua Jabatan bagi Jabatan Pengajian Islam dan Kemasyarakatan (JPIK) di PPA. Kemudiannya saya telah melanjutkan pelajaran saya ke peringkat PhD di University of Strathclyde, Glasgow, UK. Setelah memperoleh ijazah PhD pada pertengahan tahun 2006 saya kembali berkhidmat di PBPI dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Dekan di PBPI. Saya kemudiannya telah memohon kepada pihak pengurusan tertinggi UTeM untuk dipindahkan ke Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), apabila fakulti tersebut mula ditubuhkan pada tahun 2009 memandangkan bidang pengkhususan saya di peringkat PhD adalah keusahawanan. Di FPTT saya telah dilantik sebagai Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Inovasi. Saya berpeluang mengajar subjek pengkhususan saya di FPTT di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) dan PhD. Saya juga telah berpeluang menjadi Penyelia

projek MBA, tesis MSc dan PhD di FPTT. Seterusnya saya telah dilantik oleh Pengurusan Tertinggi UTeM sebagai Pengarah, Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) dan kemudiannya sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB). Saya juga banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti keusahawanan di Kementerian Pengajian Tinggi apabila saya dilantik oleh YB. Menteri Pengajian Tinggi sebagai salah seorang Pengurus bagi Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN). Sepanjang penglibatan saya di MKPTN dan di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) saya telah terlibat dengan pelbagai inisiatif serta perancangan Pelan Strategik dan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT negara. Projek utama yang telah berjaya saya ketuai pelaksanaannya di MKPTN ialah menganjurkan MOHE Entrepreneurial Award (MEA) di peringkat kebangsaan yang melibatkan penyertaan semua IPTA. MEA ini seterusnya menjadi anugerah tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia.

## 2. Apakah halatuju Prof. setelah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM yang pertama?

Dengan perlantikan saya sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM pada 15 April 2013 bermulalah satu lembaran baru dalam kerjaya saya. Saya cukup terharu atas lantikan ini dan kepercayaan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu. Saya dapat jangkakan cabaran dan tanggungjawab besar yang bakal saya hadapi dan pengalaman baru yang bakal saya harungi. Namun demikian, saya terima lantikan ini sebagai satu amanah dan saya berdoa dan berharap saya diberikan kemampuan, kebijaksanaan dan hidayah oleh Allah swt. dalam memikul tanggungjawab tersebut.



Tentunya saya akan meneruskan amalan rutin dan perancangan terdahulu mana-mana yang baik, sesuai dan terbukti berkesan sebelum ini. Namun tentunya ada perkara dan aspek-aspek tertentu yang perlu kepada perubahan sebab keadaan, persekitaran sentiasa berubah. Satu perkara yang pasti dalam kehidupan ini ialah perubahan. Jadi setiap masa sebenarnya dalam banyak hal kita kena berubah bagi menyesuaikan diri dan organisasi dengan keadaan dan persekitaran. Dalam banyak situasi mungkin kita boleh ambil manfaat daripada sesuatu perubahan yang berlaku. Yang pastinya ialah kita kena mempersiapkan diri dengan meningkatkan upaya (ability) dan kemampuan (capability) bagi membolehkan kita mencabar tanda aras (benchmark) yang baharu.

### **Mengenai halatuju HEPA UTeM, antara aspirasi utama saya dalam menerajui HEPA ialah:**

- i. Membangunkan pemimpin di kalangan pelajar. Para pelajar perlu diberikan kesedaran dan diberikan peluang dan ruang seluas-luasnya bagi mereka untuk mengasah bakat kepimpinan mereka. Satu perkara yang perlu disedari ialah kemahiran memimpin ini tidak sepenuhnya mampu diajar dan kalau boleh pun diajar cuma ke tahap tertentu sahaja dan selebihnya pelajar kena belajar dan berusaha sendiri untuk membentuk dan mengasah bakat kepimpinan masing-masing. Di sinilah pentingnya ruang dan peluang diberikan kepada para pelajar untuk mereka mempelajari apa itu kepimpinan melalui amalan dan pengalaman. Pihak HEPA akan menggalakkan pelajar bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan persatuan, kelab, badan beruniform, khidmat masyarakat, sukan dan rekreasi.
- ii. Teristimewa di UTeM seperti yang telah didokumenkan dalam pelan strategik UTeM salah satu tema utamanya ialah "Moulding Technopreneurial Leader". Pemimpin yang ingin dilahirkan oleh UTeM dalam konteks ini, bukan sahaja pemimpin yang konvensional tetapi pemimpin yang mempunyai ciri-ciri/atribut teknosahawanan – proaktif, inovatif, berani mengambil risiko, kemahiran mencari dan mengambil peluang di samping tidak lupa kepada membangunkan kemahiran insaniah dan sahsiah murni pelajar.
- iii. Saya juga bercita-cita ingin melakukan transformasi sikap pelajar secara keseluruhannya daripada selalu bertanya dan mengharapkan

"apa yang saya dapat" daripada pihak lain dan masyarakat kepada "apa yang dapat saya berikan / sumbangkan kepada masyarakat". Saya amat menggalakkan dan menyokong persatuan-persatuan dan kelab-kelab pelajar yang ingin menganjurkan atau mengambil inisiatif berkaitan khidmat dan sumbangan kepada masyarakat.

### **3. Dalam menerajui HEPA UTeM ini, apakah keutamaan yang diberi penekanan atau perhatian Prof.?**

Dua peranan asas Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM adalah;

- i) menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dan relevan kepada para pelajar, dan
- ii) memperkasakan pembangunan sahsiah pelajar. Istimewa bagi para pelajar UTeM ialah penerimaan umum warga UTeM untuk mengutamakan visi universiti iaitu untuk menjadi 'kreatif dan inovatif' dalam semua aspek agenda pembangunan pelajar. Tambahan pula visi tersebut mutakhir ini ditekankan lagi melalui tagline baharu UTeM, 'Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui'.

### **4. Untuk mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan pelajar secara holistik,apakah program dan aktiviti yang dapat mencapai hasrat tersebut?**

- KPM memberi garis panduan utama yang terdiri daripada 8 teras tujahan aktiviti iaitu daya usaha dan inovasi, kepimpinan, komunikasi/pengucapan awam, kebudayaan, khidmat masyarakat, kesukarelawanan, keusahawanan dan sukan.

### **5. Bagaimana Prof. melihat senario mahasiswa IPT masa kini?**

Saya akui bahawa dari segi penampilan, minat, keinginan dan aspirasi mahasiswa generasi masa kini yang lebih dikenali sebagai generasi Y memang banyak perbezaannya dengan generasi terdahulu. Cabaran dan persekitaran yang mereka hadapi berbeza jika dibandingkan dengan generasi terdahulu. Maka, tentunya pendekatan dan layanan yang mereka harapkan tidak sama berbanding generasi terdahulu. Remaja generasi Y masakini rata-rata amat terikat dalam dunia mereka sendiri iaitu dunia maya Facebook, Twitter dan sebagainya. Dibimbangi situasi ini akan menyebabkan mereka kurang berinteraksi secara langsung atau bersemuka dan ini akan menyebabkan mereka kurang kemahiran





berkomunikasi. Media sosial ini kalau digunakan secara baik contohnya untuk tujuan perbincangan, percambahan idea, jaringan keserakanan dan sebagainya ia merupakan sesuatu yang baik dan patut digalakkan. Namun begitu sekiranya kalau platform media sosial ini digunakan untuk perkara-perkara yang negatif contohnya sebagai medan penyebaran fahaman-fahaman tertentu, perdebatan-perdebatan yang negatif sifatnya tentunya tidak sepatutnya digalakkan berlaku.

#### **6. Bagaimana untuk meningkatkan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPT?**

- i. UTeMsememangnya memberikan penekanan khusus terhadap pembudayaan keusahawanan sejajar dengan aspirasi Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT iaitu yang berkaitan dengan inisiatif melahirkan entrepreneurial graduate (EG) dan graduate entrepreneur (GE).
- ii. EG bertujuan supaya semua pelajar memahami dan mempunyai ciri-ciri atau atribut keusahawanan.
- iii. GE supaya ada sebilangan graduan UTeM menjadi usahawan apabila telah bergraduasi. Adalah menjadi hasrat KPM supaya berlaku perubahan di kalangan graduan universiti daripada menjadi "Job seeker kepada Job creator"
- iv. Penubuhan Pusat Pembangunan Keusahawanan mulai bulan Mac 2013 bagi membantu proses pembudayaan keusahawanan.
- v. Bekerjasama rapat dengan alumni UTeM yang menjadi usahawan. Ada cadangan melalui Alumni untuk menubuhkan Techno-Innovative Business Incubation Centre bagi membantu penubuhan syarikat di kalangan pelajar yang baru bergraduasi.

#### **7. Apakah saranan dan harapan Prof. kepada semua mahasiswa UTeM.**

- i. Kepada semua mahasiswa UTeM saya nasihatkan supaya anggaplah keberadaan anda di UTeM ini sebagai amanah dan peluang yang besar bagi anda menyedia dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, ilmu pengetahuan, jaringan keserakanan dan membangunkan jatidiri dan sahsiah diri yang unggul.
- ii. Tumpukan perhatian sepenuhnya kepada akademik dan libatkanlah diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan sahsiah, sukan dan khidmat sumbangan kepada masyarakat.
- iii. Manfaatkanlah sepenuhnya tempoh semasa menjadi mahasiswa ke arah menjana dan mengeksploit sepenuhnya potensi diri masing-masing sebagai persiapan diri sebelum masuk ke alam kerjaya dan menceburkan diri dalam masyarakat umum.

Sekian, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada pihak sidang pengarang Buletin HEPA kerana memberi peluang kepada saya dalam wawancara ini. Diucapkan juga Selamat Datang kepada semua pelajar baru UTeM Semoga beroleh kejayaan yang diimpikan. Tidak lupa juga saya ingin menyatakan harapan saya supaya seluruh warga HEPA khususnya dan warga UTeM amnya supaya dapat memberikan sokongan, kerjasama dan komitmen yang tinggi terhadap apa jua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan demi membantu seluruh mahasiswa UTeM mencapai potensi diri mereka yang sebenar.



## Unit Penempatan Pelajar

### 1. Perancangan penempatan pelajar

- a. Penyelarasan sewaan penginapan pelajar      b. Agihan penempatan

### 2. Pengurusan penempatan pelajar di kolej kediaman mengikut dasar yang telah ditetapkan

- a. Penempatan pelajar baru      c. Permohonan penempatan di kolej kediaman  
b. Penempatan pelajar kanan      d. Menyelaras rekod dan maklumat penginapan pelajar di kolej kediaman

### 3. Pengurusan perkhidmatan penginapan

- a. Penginapan pelajar semasa cuti  
b. Sewaan luar

### 4. Mewujudkan persekitaran kediaman yang kondusif

- a. Menyelaras kemudahan di kolej kediaman      c. Pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan kerosakan  
b. Pemantauan kerja-kerja pencucian      d. Persekitaran yang selamat dan selesa

### 5. Pemantauan pelaksanaan Buku Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman

- a. Penyediaan dan mengemaskini Buku Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman  
b. Pemantauan penguatkuasaan

### 6. Pengurusan pelajar luar kampus

- a. Permohonan tinggal luar      c. Mengumpul maklumat rumah sewa  
b. Merekod, kemaskini data pelajar tinggal luar      d. Membantu urusan kebajikan pelajar tinggal luar

**Pengurus Asrama :** Puan Mazne bt. Ja'afar  
No. Telefon: 06-3316230

**Pembantu Tadbir :** Puan Nazhatul Shima bt. Abu Samah  
(P/O) No. Telefon: 06-3316234

*Fungsi*

Unit Kebajikan Pelajar HEPA merupakan unit yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal kebajikan pelajar Pra Siswazah UTeM dari segi hal kebajikan dan penajaan pengajian. Unit Kebajikan Pelajar HEPA juga terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pelajar yang melibatkan program sukarelawan. Rumusan fungsi Unit Kebajikan Pelajar HEPA adalah seperti berikut:

#### KEBAJIKAN

- Tuntutan Takaful Bekelompok Pelajar
- Tuntutan Khairat Kemalangan dan kematian Pelajar
- Surat Jaminan Hospital Kerajaan/Guarantee Letter (GL)
- Agihan Sumbangan Zakat dan Dermasiswa
- Pinjaman Jangka Pendek (PJP)
- Kad Diskaun Siswa 1 Malaysia (KDS1M)

#### TAJAJAN

- Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)
- Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Yayasan Tunku Abdul Rahman (YRAR)
- Pinjaman / Biasiswa Yayasan, Kerajaan Negeri dan Badan Kerajaan
- Pinjaman/ Biasiswa Badan Bukan Kerajaan dan GLC

#### KESUKARELAWAN

- Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM)
- IM4U Outreach Centre
- University Community Transformation Centre (UCTC)
- Rural Transformation Centre (TRC)
- Duta Universiti-NBOS4
- Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)



## Unit Kebajikan Pelajar



**PROF. MADYA DR IZ Aidin Bin Abdul Majid**  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEPA)



**ZAINUDIN BIN AHMAD**  
TIMBALAN PENDAFTAR KANAN



**SYAHIRAH BINTI ADNAN**  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN



**ZULKIFLI BIN ISHAK**  
PENOLONG PENDAFTAR ( 06-3316204)



**MOHD. FIRDAUS BIN ABU BAKAR**  
PEMBANTU TADBIR (06-3316226)

### Rakan Siswa

NAMA : MOHD FIRDAUS BIN ABU BAKAR  
JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O)  
UNIT : KEBAJIKAN PELAJAR

Mohd Firdaus bin Abu Bakar yang dilahirkan pada tahun 20 Mac 1986 yang berasal dari negeri Melaka telah mula bertugas di UTeM pada 16 Januari 2008 selaku Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan ditempatkan di Pusat Islam hingga 28 Januari 2013. Selepas dari tarikh tersebut telah ditukarkan ke HEPA dan ditempatkan di Unit Kebajikan Pelajar bermula dari 28 Januari 2013 sehingga kini.



Bidang tugas utamanya adalah menguruskan permohonan pinjaman/ biasiswa pelajar, membantu menguruskan tunutan insurans takaful berkelompok pelajar, membantu menguruskan khairat kemalangan dan kematian pelajar, membantu menguruskan bantuan zakat dan bantuan kewangan OKU pelajar UTeM, membantu menyediakan aktiviti berbentuk 'soft-skill' kepada pelajar selain daripada pengurusan pejabat.

Dari segi sumbangan kepada Universiti En Mohd Firdaus juga banyak membantu dalam program Universiti seperti menjadi petugas kaunter pendaftaran semasa Minggu Haluan Siswa semasa Diploma dan Ijazah, Pesta Konvokesyen, Pilihan Raya MPP serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh HEPA.

En. Mohd Firdaus juga bergiat aktif dalam sukan seperti bola tampar, pingpong, sepak-takraw dan mewakili universiti dalam acara sepaktakraw. Beliau juga menjadi jurulatih sepaktakraw pelajar UTeM bagi tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

"Sumbangan yang diberikan kepada UTeM adalah tidak seberapa nilainya dengan berbanding tanggungjawab dan amanah yang harus dipikul demi tuhan, organisasi dan membantu kecemerlangan seseorang mahasiswa dan mahasiswi ke arah insan yang terbilang." kata rakan sekerjanya.



## KAKITANGAN HEPA *berbakti di rumah* Orang-Orang Tua Bukit Larang



Seramai 15 orang kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang mewakili Kelab Kebajikan pejabat HEPA (USRATI) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan khidmat bakti di rumah orang-orang tua Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) di Bukit Larang, Teluk Mas, Melaka.

Program ini bertujuan bagi menyerahkan barang-barang keperluan untuk kegunaan warga rumah orang-orang tua tersebut seperti bantal, tilam, dapur masak dan juga kuih raya. Turut disediakan sumbangan derma dari hasil kutipan warga Pejabat HEPA. Selain itu program ini adalah untuk memupuk kasih sayang dan beramah mesra antara ahli USRATI dan penghuni rumah orang-orang tua tersebut yang kebanyakannya tidak lagi mempunyai tempat tinggal dan ada juga yang telah disisihkan oleh keluarga mereka sendiri.

Penghuni rumah ini ada yang terdiri dari negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Rumah orang-orang tua Bukit Larang ini dirasmikan oleh mantan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam pada tahun 2004.

## Klinik Pelajar UTeM KEMPEN DERMA DARAH

Klinik Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah dalam menjalankan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dengan menganjurkan kempen derma darah di bangunan Pusat Persatuan Pelajar (PPP), Kampus Induk Durian Tunggal. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Unit Tabung Darah, Jabatan Patologi Hospital Melaka.

Seramai hampir 300 orang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UTeM telah turut serta untuk menderma darah dalam menayakan kempen ini.



## PEJABAT HEPA dan PUSAT ISLAM *Anjur Tazkirah Bulanan*



Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan beberapa siri program tazkirah agama bulanan di ruang legar pejabat HEPA, yang disampaikan. Beberapa tajuk telah dipilih untuk dikupas oleh penceramah agama yang dijemput.

Tazkirah agama bulanan ini secara gilirandiadakan oleh semua fakulti dan jabatan seperti yang disyorkan oleh Pusat Islam Ia bertujuan agar kakitangan dapat menghayati penghayatan Islam yang sebenarnya dari tazkirah



# HEPA HULUR BANTUAN Pelajar Kemalangan

Berita  
**HEPA**



Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghulurkan wang pampasan insuran sebanyak tujuh ribu empat ratus ringgit (RM7400) kepada keluarga Allahyarham Siti Hajar Ahmad Sabir yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya di Masjid Tanah Melaka. Cek pampasan telah diserahkan oleh Timbalan Naib

Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid kepada bapa Allahyarham, Ahmad Sabir Ibrahim di Kampung Ramuan Kecil, Masjid Tanah Melaka baru-baru ini. Turut bersama hadir Timbalan Pendaftar Kanan HEPA Zainudin Ahmad dan Penolong Pendaftar, Unit Kebajikan HEPA Zulkifli Ishak.

## Klinik Pelajar UTeM anjur

"Wellness Programme Towards A Healthy Life"



Dalam penekanan ke arah amalan gaya hidup sihat bagi melahirkan masyarakat yang sihat, cergas, sejahtera dan bebas dari penyakit yang disebabkan oleh gaya hidup masa kini, Klinik Pelajar UTeM dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah menganjurkan "Wellness Programme Towards A Healthy Life" bertempat di Arked Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk Durian Tunggal.

Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Timbalan Pendaftar Kanan Zainudin Ahmad, Pengetua Kolej Kediaman Lestari Khairul Anuar A Rahman serta kira-kira 200 pelajar UTeM.

Antara program yang dijalankan ialah senaman sihat cergas, pameran-pameran kesihatan dari Klinik Kesihatan Durian Tunggal, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Hospital Putra Melaka, ceramah kesihatan dan juga pemeriksaan kesihatan. Turut diadakan program gotong royong iaitu aktiviti mencari dan musnah tempat pembiakan nyamuk aedes.

## Hari Keluarga PEJABAT HEPA UTeM MERIAH



Seramai 80 orang kakitangan dan keluarga dari kelab Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (USRATI) HEPA Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan hari keluarga dengan meriahnya di Sunway Lagoon.

Perasmian telah dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid. Menurut beliau program yang telah dirancang sejak dua bulan yang lepas adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim antara kakitangan HEPA yang terdiri daripada staf pentadbiran di Pejabat HEPA, staf pejabat kolej kediaman dan staf klinik pelajar di samping berkenal-kenalan sesama keluarga masing-masing.



Program ini juga dapat mengurangkan tekanan kerja di pejabat dengan menyertai pelbagai acara yang telah diatur. Beliau mengharapkan agar program ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan penyertaan lebih ramai kakitangan dan keluarga masing-masing ditempat yang lain pula. Komitmen yang ditunjukkan oleh semua kakitangan HEPA dan keluarga membuatkan program ini berjaya dan mencapai matlamatnya



## PEJABAT PERDANA MENTERI

### Adakan Sesi Pemahaman Dan Perkongsian Idea Kepada Pelajar UTeM



Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan sesi pemahaman dan perkongsian idea bersama pelajar dan warga HEPA bertempat di Dewan Jamuan, Canselor, Kampus Induk Durian Tunggal.

Sesi ini telah disampaikan oleh Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik Pejabat Perdana Menteri Datuk Shahlan Ismail. Turut hadir Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia Haji Ibrahim Ali serta lebih 100 pelajar yang terdiri daripada exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta wakil-wakil kelab dan persatuan serta jawatankuasa kolej-kolej kediaman UTeM.



Menurut Datuk Shahlan tujuan diadakan program ini adalah bagi memberi pendedahan kepada warga UTeM untuk berkongsi idea mengenai isu-isu semasa serta hal-hal yang berkaitan falsafah negara dan dasar-dasar kerajaan.

## UTeM Anjur Seminar SEMINAR TEKNOLOGI SUKAN

Pusat Sukan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Bahagian Sukan (Sektor Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) buat julung-julung kalinya telah berjaya menganjurkan Seminar Teknologi Sukan di Dewan Sukan UTeM Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus, seminar ini adalah untuk memberi pendedahan dan perkongsian mengenai penggunaan teknologi yang berupaya melestarikan kecemerlangan atlit Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan negara. Seminar ini juga akan memperkasakan lagi IPT sebagai pemacu pembangunan sukan negara pencetus kepada teknologi sukan. KPM dengan kerjasama IPT telah mengadakan pelbagai program pembangunan sukan bagi melahirkan "The Thinking Athlete" dengan mensasarkan 30% atlit dari IPT akan mewakili Negara.

Seminar ini telah dihadiri lebih 60 orang yang terdiri dari pelajar, pegawai sukan, atlit, pensyarah dari IPT seluruh negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia, Hazally Jali. Turut hadir Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid dan Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus. Sebanyak 3 kertas kerja telah dibentangkan iaitu "Aplikasi Teknologi Dalam Pembangunan Atlit" oleh Prof Dr. Abdul Hafidz Hj. Omar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), "Pemantauan Prestasi Atlit Melalui Sistem Teknologi" oleh Adam Feizrel Linoby Ronny Linoby dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang dan "Transformasi Sukan dan Teknologi: Kecemerlangan Ahtlit Universiti: oleh Prof. Dr. Hj. Zahari Taha dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).





Dalam memberi pengetahuan dan pencegahan mengenai zina yang kerap berlaku sekarang ini, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui Unit Kaunseling Pelajar dengan kerjasama Kelab Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM telah menganjurkan Program Pencegahan Zina: "Cinta Pakai Buang...Syok Ke" di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Menurut Pegawai Psikologi Unit Kaunseling Pelajar, Hadibah Tahir seramai 90 orang pelajar telah menghadiri program ini yang bertujuan bagi memahami kepentingan untuk menjauhi perbuatan zina serta memahami maksud zina secara holistik menerusi penjelasan agama dan sains kesihatan, sihat dan bebas dari penyakit fizikal, emosi dan spiritual akibat gaya hidup yang negatif, menjauhi diri daripada zina dan faktor yang menyebabkan berlakunya



perbuatan zina dan aktiviti yang tidak sihat, membimbing generasi muda untuk tidak melakukan perbuatan yang merosakkan diri, keluarga, keturunan dan sosial dan seterusnya memperkasakan informasi dan maklumat yang tepat mengenai gaya hidup yang tidak sihat agar peserta mampu melakukan perbuatan yang baik.

Antara penceramah yang menyampaikan ceramah di dalam program ini ialah Ustaz Mohd. Najib Khasim bekas pensyarah Universiti Multimedia, Dr. Hajah Maimunah Fadzil, Pengerusi Raudhatul Sakinah, Melaka dan wakil dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

## Pusat Sukan UTeM

### UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA Terima Lawatan

## DARI UNIVERSITI THAILAND

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menerima lawatan dari institusi dalam dan luar negara bagi mengetahui sistem pembelajaran dan kemudahan kampus yang disediakan kepada pelajar-pelajarnya. Terbaru Pusat Sukan UTeM telah menerima lawatan seramai 13 orang pelajar dan kakitangan dari Jabatan Kesihatan dan Sains Sukan, Fakulti Pendidikan, Universiti Mahasarakham Thailand bagi mengadakan lawatan sambil belajar ke Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Jabatan fakulti berkenaan Dr. Chairat Choolsakul telah membawa rombongan pelajar tersebut bagi mendapat pengetahuan dan pengalaman yang lebih luas serta dapat berkenalan dan bertukar pendapat bersama pentadbiran Pusat Sukan UTeM.

Rombongan telah disambut dan diberi taklimat mengenai struktur organisasi oleh Ketua Pusat Sukan Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus. Rombongan juga turut dibawa melawat ke sekitar Kompleks Sukan UTeM.





## PEGAWAI HEPA UTeM HADIRI Bengkel Perancangan Strategik



di Pejabat HEPA serta merangka dan mengenalpasti program yang relevan serta memberi faedah yang mendalam kepada pelajar mengikut kehendak dan keperluan universiti serta Kementerian Pendidikan Malaysia. Menerusi bengkel ini juga perbincangan menyeluruh mengenai pencapaian dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti 2013 dan 2014 dan menyelaraskan halatuju supaya menyokong Perancangan Strategik Universiti 2013-2020.

Seramai 20 orang pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghadiri Bengkel Perancangan Strategik yang di adakandi dewan jamuan Auditorium Canselor, Kampus Induk. Bengkel ini juga turut dihadiri oleh pengetua-pengetua Kolej-Kolej Kediaman UTeM.

Menurut Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini fungsi tugas setiap unityang berada



## UTeM TUAN RUMAH

### Mesyuarat TTNC HEPA IPTA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TTNCHEPA) IPTA kali ke 190 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Senat di Kampus Induk Durian Tunggal, Melaka.

Menurut Timbalan Pendaftar Kanan HEPA, Zainudin Ahmad, seramai 40 wakil universiti dari 20 IPTA telah hadir dalam mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Pengerusi Sekretariat TTNC HEPA IPTA yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah. Turut hadir sama TNC HEPA UTeM Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).





Buletin HEPA

**Spot Me**

2013/2014



Sukan Antara Fakulti



Atlet UTeM Mewakili Malaysia Ke SEA GAMES 2013



Bersama Gabenor Riau di Pekan Baru



Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar



Anugerah Sukan UTeM



Bantuan Kepada Keluarga Mohd Shairazey Shah bin Che Hamzah di Kota Bharu



Kunjungan Keluarga Pelajar Kemalangan Yap Tian Bee di Pulau Pinang



Lab Minda Keusahawanan



Lawatan ke Karimun Indonesia



Lawatan ke Seoul Korea



Penyampalan Bantuan Kepada Keluarga Allahyarham Mohd Zulkarnain bin Mohd Zawawi yang Meninggal Dunia di Kedah



Penyerahan Bendera Sukan Staf



Perasmian MyAgrosis




Perbincangan Awal Penubuhan PALAPES



Pertandingan Bowling Santai Bersama Ketua Menteri Melaka



Program Bantuan Banjir



Program Kepimpinan Alaf Baru MPP dan SAM



Pertandingan Santai Bowling Bersama Ketua Menteri



Program Pelajar



Program Pelajar di Rompin




Program Rekreasi Berbasikal Bersama TNC HEPA



Siswa UTeM Berbakti Di Felda Kerteh 2 Terengganu





"Wellness Programme Towards A Healthy Life"



Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar



Program fasilitator MHS



Program Let's Outdoor With SRM 2014



BADAR Open House



Diskusi3



Ekspedisi Mendaki Bukit Beruang



Program Mahasiswa Turun ke Desa, Paya Kumbuh



Festival Etnik Antarabangsa



Hari Interaksi Anak-anak FELDA UTeM



Hari Keluarga USRATI



Program Minggu Haluan Siswa UTeM



Innofest 2014




Introcamp4



Jamuan Raya HEPA



Program Santai KEREX



Jamuan Raya UTeM



Karnival Buku dan IT



Karnival Spring Festival



Solat Hajat




TNC HEPA Sukan MASUM



Singgah Sahur AUteM







Program Cross Cultural Leadership-Korea



Karnival Sukan Ipt Melaka 1



Kem Aspirasi Penyayang



Kem Jalanan Mesra Kolej Kediaman Murni



Program Pencegahan Zina



Kempen Kesedaran Jalanraya UTeM



Konvo Fest 2013



Majlis Anugerah Sukan UTeM



Program PERSADA di Kerteh



Konvoi Bakti Khidmat Masyarakat Melaka



Lawatan ke kilang Mat Salai



Majlis Anugerah Sukan UTeM



Mahasiswa Murni di Gunung Datuk, Rembau



Global Outdoor Pioneering Program Yogyakarta, Indonesia



Lawatan ke Yogyakarta



Karnival Sukan Ipt melaka



Majlis Makan Malam MPP



Majlis Penyerahan Bantuan Zakat



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP



Majlis Perpisahan staf HEPA





Buletin HEPA  
Spot Me  
2013/2014



Malam Penghargaan Spring Festival



Mesyuarat TTNC HEPA



Mooncake



Pasukan Juara FTK



Pc Fair UTeM



Pelajar UTeM Sukarelawan



Majlis Kesyukuran Kolej Kediaman Seri Utama




Pelancaran Alumni Zon Tengah



Pendaftaran Pelajar Baru UTeM



Pengagihan Voucher BRIM



Program Entrepreneurial Explorace UTeM



Pesta Ponggal UTeM



Program Ammar Satu Perjuangan



Program Bakti Siswa PERSADA



Shaheizy Sam di UTeM



Program Bersama Menteri Mentor



Program Jalinan



Program Cheeful Mind Joyful Life



TNC HEPA di Melaka FM



Program Camp Building



Program Kem Pemantapan Pembimbing Rakan



## ALUMNI UTeM ANJUR PROGRAM SINGGAH SAHUR



Bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam menghadapi musim perayaan terutama Hari Raya Aidil Fitri, Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) telah menganjurkan Program Singgah Sahur disekitar kawasan rumah fakir miskin di Durian Tunggal, Gangsa, Kampung Pulau dan Kampung Belimbing Dalam.

Menurut Presiden AUTeM Rahim Selamat, sebanyak 60 orang alumni dengan 25 kenderaan telah turut serta di dalam program yang diadakan pada setiap tahun. 11 buah rumah berstatus fakir telah dikunjungi untuk diberikan sumbangan berbentuk barangan keperluan dapur dan bantuan wang persiapan hari raya.

Program ini telah dilancarkan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin di Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM. Turut serta dalam program ini ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEPA) UTeM, Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta Timbalan Pendaftar Kanan HEPA Zainudin Ahmad.

Majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Tangga Batu merangkap Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah di Rumah Anak Yatim Payasum, Sg Udang. Abu Bakar juga turut menyampaikan sumbangan duit raya serta bersahur bersama anak-anak yatim.



## PENYAYANG MASUK ESTET



Satu lagi detik bersejarah dalam diari Kelab Penyayang UTeM apabila satu program khidmat siswa, melalui satu kerjasama yang mantap antara Kelab Penyayang UTeM dan Persatuan Wanita Kawasan Perumahan Kilang Kelapa Sawit Palong Cocoa, telah dilancarkan dengan jayanya. Program ini dijalankan di Kawasan Perumahan Kilang Kelapa Sawit Palong Cocoa, Segamat, Johor bertujuan untuk memberi motivasi kepada para pelajar serta dapat mengeratkan silaturahim antara penduduk dengan ahli kelab sendiri melalui program keluarga angkat.

Pelbagai aktiviti dalam kumpulan telah dilakukan di mana melalui aktiviti seperti ini, mereka dapat memotivasikan diri mereka serta membina jati diri yang kukuh. Selain memberi keseronokan, aktiviti-aktiviti ini disusun untuk mengajar para peserta bergerak dalam satu kumpulan dan mengeratkan lagi tali silaturahim dan hubungan kerjasama dalam kalangan ahli Kelab Penyayang sendiri serta melahirkan perasaan kasih sayang antara ahli kelab dan kanak-kanak.

Melalui program ini, ahli dapat mengetahui cara hidup di kawasan estet dan dimasa yang sama dapat memperkenalkan UTeM. Melalui aktiviti ini ahli kelab mampu untuk memberi kerjasama dan mempraktikkan sikap tolong-menolong dalam aktiviti tersebut di samping menunjukkan sikap kepimpinan melalui cara mereka mengendalikan aktiviti tersebut.



## KETUA MENTERI BERIADAH BERSAMA SISWA UTeM



Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ir. Hj. Idris Hj. Haron selaku Menteri Mentor UTeM telah meluangkan masa beriadah bersama siswa UTeM di dewan sukan Kampus Induk Durian Tunggal.

Program acara badminton ini turut disertai oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Razali Ibrahim serta isteri Ketua Menteri Datin Wira Fadillah Abdullah serta 50 siswa UTeM.

Program yang pertama kali diadakan ini adalah bersempena Majlis Ramah Mesra Menteri Mentor UTeM bersama siswa yang diadakan pada sebelah malamnya di Dewan Besar UTeM.

## KELAB RAKAN 1MALAYSIA UTeM RANCANG PROGRAM KESUKARELAAN



Kelab Rakan 1Malaysia (KR1M) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah merancang pelbagai program bercorak kesukarelaan pada semester ini untuk manfaat masyarakat setempat di dalam dan luar negeri Melaka

Perkara ini di tegaskan oleh Presiden Kelab Ali, Nabil Abdul Karim di dalam program Sejalan Ukhwah di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi, Ayer Keroh baru-baru ini. Turut hadir penasihat kelab Zulkifli Ishak yang juga merupakan Penolong Pendaftar Unit Kebajikan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM dan seramai 180 ahli KR1M.

Menurutnya lagi antara program yang dirancang ialah Program Bersama Komuniti di Kampung Bukit Sedanan, Jasin, Melaka yang akan diadakan pada bulan November ini. Antara pengisian program ialah sesi perkongsian ilmu kepada masyarakat setempat mengenai teknologi maklumat, kejuruteraan dan keusahawanan. Turut diadakan nanti ialah acara sukaneka rakyat.

## KELAB PENYAYANG BERSAMA ANAK YATIM ISLAM JASIN



Rumah Anak Yatim Islam Jasin merupakan rumah angkat bagi Kelab Penyayang UTeM. Aktiviti seperti tuisyen secara percuma sering diadakan bagi membantu adik-adik angkat dalam pelajaran serta berkongsi pengalaman.

Objektif aktiviti ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim antara ahli kelab dan warga Rumah Kebajikan.



## KELAB KEUSAHAWANAN UTeM ANJUR KARNIVAL BUKU DAN KOMPUTER



Bagi membantu pelajar menggunakan baucer 1Malaysia untuk membeli buku dan peralatan komputer, Kelab Keusahawanan dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Karnival Buku dan Komputer di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Penolong Pendaftar Unit Keusahawanan HEPA, Muhamad Zulkhalid Md. Isa berkata, karnival ini dianjurkan adalah bagi semua masyarakat UTeM terutamanya pelajar supaya dapat membeli buku dan barangan komputer dengan harga yang lebih murah dari harga pasaran.

Sebanyak 5 syarikat komputer telah menyertai karnival ini. Sambutan yang diberikan oleh masyarakat kampus adalah amat menggalakkan dengan setiap gerai dipenuhi oleh pelajar-pelajar. Bagi memeriahkan program ini turut diadakan jualan barangan lain seperti pakaian dan aksesori telefon.

## ANAK-ANAK FELDA UTeM ANJUR KEM JALINAN PERSADA

Sekretariat Pemuafakatan Siswa/Siswi FELDA Universiti-Teknikal Malaysia Melaka (PERSADA UTeM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Kem Jalinan PERSADA di Berhulu Camp, Simpang Pertang Negeri Sembilan.



Menurut pengarah program, Azwan Muhamad, kem jalinan PERSADA ini diadakan bagi mencari bakat - bakat baru dalam kepimpinan untuk diserapkan ke dalam ahli jawatankuasa Persada UTeM. Disamping itu ia dapat memberikan manfaat dan impak positif kepada mahasiswa agar sentiasa menanam semangat perpaduan, pemuafakatan dan interaksi sosial sesama mahasiswa. Isi kandungan program ini tertumpu kepada kepimpinan, kerja berpasukan, dan cintai alam. Seramai 40 orang peserta telah menyertai program ini dan dijalankan selama 3 hari 2 malam dan memerlukan mahasiswa melalui suasana berkhemah di dalam kem.

Antara aktiviti yang dijalankan di dalam kem ini ialah pembentukan kumpulan, latihan dalam kumpulan, pengukuhan kumpulan, festival sekampung, berakit, kembara hutan lipur, merentas halangan dan permainan sungai asid dan paip ku sayang.

## UTeM TERAPKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan universiti yang berteraskan kejuruteraan, namun aspek keusahawanan tidak dilupakan untuk pelajar untuk semua peringkat. Sehubungan dengan itu, Pusat Keusahawanan Dan Pembelajaran Berterusan (PKPB) dengan kerjasama Persatuan Kejuruteraan Pembuatan (SME) dan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP) telah menganjurkan program "Entrepreneurial Explorace UTeM" di sekitar Banda Hilir dan kampus Bandar UTeM, Jalan Hang Tuah.

Menurut pengarah program, Abdul Muhaimin Mohd Yusri, seramai 60 peserta telah menyertai program yang julung-julung kali diadakan ini. Antara objektif utama program ini adalah memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi UTeM secara praktikal dengan mengadakan aktiviti yang berbentuk keusahawanan, sebagai platform kepada mahasiswa mahasiswi menonjolkan bakat perniagaan yang sedia ada dalam diri. Selain itu program ini juga bertujuan membentuk pemikiran kritis dan kreatif terhadap mahasiswa dan mahasiswi dengan membuka minda terhadap kepelbagaian strategi dan pendekatan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang dihadapi serta dapat memberi peluang kepada peserta untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi sesama ahli pasukan dalam menilai kekuatan dan kelemahan pasukan untuk menyelesaikan sesuatu tugas dengan baik.





## FESTIVAL MUSIM BUNGA UTeM DISAMBUT MERIAH



Festival Musim Bunga (Spring Festival) bersempena perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berlangsung dengan meriahnya di Pusat Perkhidmatan Pelajar (PPP), Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pengarah Program Pang Kee Kiat, festival ini diadakan adalah bagi menambah pemahaman dan membantu pelajar untuk lebih mengenali budaya masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia, pelbagai kaum di UTeM dapat bersama-sama menyambut perayaan untuk menggalakkan keharmonian kaum serta memperkenalkan budaya tradisional

yang hampir dilupakan oleh masyarakat kini kepada pelajar dan generasi muda. Ia juga bagi memupuk semangat 1 Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM. Selain itu, program ini dapat memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.



## “MOONCAKE FESTIVAL” UTeM MERIAH



Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan “Mooncake Festival” kali ke 6 bertempat di Arked Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk Durian Tunggal dengan meriahnya.

Menurut Pengarah Program, Teh Chee Khoon, festival ini diadakan adalah bagi menambah pemahaman dan membantu pelajar untuk lebih mengenali budaya masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia. Pelbagai kaum di UTeM turut dapat bersama-sama menyambut perayaan bagi menggalakkan keharmonian kaum serta memperkenalkan budaya tradisional yang hampir dilupakan oleh masyarakat kini terutama pelajar dan generasi muda.

## UTeM TEKAD PERANGI RASUAH



Dengan bertujuan memberikan pendidikan dan kesedaran tentang bahaya rasuah kepada siswa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Sekretariat Pencegahan Rasuah UTeM (SPR UTeM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Program Pemantapan Siswa Berintegriti bertempat di Taman Botanical Melaka, Ayer Keroh.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, HEPA Zainudin Ahmad. Turut hadir, Timbalan Pengarah SPRM Melaka Penguasaha Kanan Mokhtar Sani, pengarah program, Tengku Ahmad Farid Tengku Azlan, pegawai HEPA dan kira-kira 100 ahli SPR UTeM.



## KONVO FEST UTEm SEDIAKAN ACARA MENARIK



Pelbagai program dan aktiviti yang menarik untuk pengunjung-pengunjung telah disediakan semasa Konvo Fest UTEm kali ke 9 yang diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal Melaka sempena Konvo-kesyen UTEm ke 9.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid antara program tersebut ialah pameran dan pertandingan rekacipta dan inovasi, pertandingan nasyid, pertandingan mewarna, pertandingan parachute flight, sukaneka kampung seperti sepak raga bulatan dan galah panjang, pertandingan memasak masakan kampung, pertandingan Ecorun,

pertandingan terbuka ping pong. Turut diadakan program santai budaya iaitu persembahan kebudayaan daripada pelajar-pelajar UTEm dan IPT jemputan, Malam Penghayatan Islam dengan penceramah jemputan Imam Muda Asyraf dan Sham Kamikaze. Antara acara yang menarik perhatian ialah program Ku Petik Bintang-Bintang iaitu Cerapan Langit Malam bersama ahli astronomi. Melalui program ini pengunjung akan boleh melihat dan mencuba sendiri melihat bintang-bintang dan planet di langit menggunakan teleskop yang terancang. Sebanyak 45 gerai yang menjual pelbagai produk disediakan bagi memenuhi keperluan pengunjung-pengunjung.



## PELAJAR UTEm TERIMA BANTUAN PELAJARAN DAN ZAKAT



Bagi meringankan beban pelajar UTEm dan memberi kemudahan untuk menampung kos pengajian dan sara hidup yang perlu ditanggung, seramai 180 orang pelajar telah menerima bantuan kewangan pelajaran Yayasan Tunku Abdul Rahman (BPTAR) dan bantuan zakat UTEm pada satu majlis yang berlangsung di Arked Lestari, kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid. Turut hadir Timbalan Pendaftar Kanan HEPA Zainudin Ahmad, Pengarah Pusat Sukan Dr. Asiah Mohd Pilus dan Timbalan Pendaftar HEPA Noornahar Hj Akashah serta exco Majlis Perwakilan Pelajar UTEm.

## PROGRAM MENGECAT VILLA HARAPAN, DUYONG



Kelab Penyayang UTEm telah membantu mengecat bangunan Pertubuhan Kebajikan Villa Harapan, Duyong, Melaka. Pertubuhan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Melalui penyertaan aktiviti kesukarelawanan seperti ini, para peserta dapat menanam minat sukarelawan dalam diri masing-masing seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri. Di samping itu, para peserta dapat mengisi masa lapang pada hujung minggu dengan aktiviti yang berfaedah serta mengasah kemahiran komunikasi.



## SISWA UTeM BERBAKTI DI FELDA KERTEH 2 TERENGGANU



Seramai 40 orang siswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan program Semai Bakti di Felda Kerteh 2 Terengganu. Program ini adalah anjuran Sekretariat Permuafakatan Siswa Siswi Felda UTeM (PERSADA) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM.

Antara program yang dijalankan adalah acara gotong royong, program kenduri sekampung, program tuisyen bersama pelajar-pelajar tingkatan satu hingga tingkatan empat, sukaneka dan malam kebudayaan. Antara program lain ialah adalah program menziarahi dan memberikan sumbangan kepada peneroka yang kurang bernasib baik. Tiga buah rumah telah dipilih, untuk menerima sumbangan berbentuk barangan dapur seperti beras, gula, tepung dan lain-lain.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Wira Rosli Bin Mat Hassan, Pegawai Khas Menteri Besar Terengganu, Turut hadir Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Timbalan Pendaftar Kanan HEPA, Zainudin Ahmad, Pengurus Felda Kerteh 2, Zamani Othman dan kira-kira 100 orang penduduk Felda Kerteh 2. Manakala majlis penutupan pula telah disempurnakan oleh Pengurus Pusat Latihan Kerteh, Ali Othman



## PROGRAM SILATURAHIM KELAB KEREX UTeM MERIAH

Kelab Rekreasi dan Sukan Extrem Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KEREX UTeM) telah menganjurkan program silaturahmi di Arked Lestari, Kolej Kediaman Lestari, UTeM Durian Tunggal.

Majlis yang berlangsung dengan penuh meriah ini dihadiri oleh seramai hampir 100 orang ahli kelab tersebut dengan tujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi dan berkenalan diantara ahli-ahli kelab yang baru dan lama. Turut diadakan majlis pemilihan majlis tertinggi kelab berkenaan bagi sesi 2014. Pelajar tahun dua dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Mohd. Anis Abdul Rahman telah dipilih untuk menjadi presiden kelab tersebut bagi sesi 2013/2014. Semasa ditemui, beliau mengharapkan agar kelab ini akan terus unggul di dalam dunia rekreasi dan sukan ekstrem. Banyak aktiviti akan dapat dijalankan pada masa hadapan dengan bantuan dan kerjasama dari ahli-ahli kelab.

Kelab KEREX adalah salah satu kelab yang aktif di UTeM dan telah banyak menganjurkan pelbagai aktiviti seperti ekspedisi mendaki gunung Kinabalu dan Gunung Lombok di Indonesia disamping menyertai pelbagai pertandingan sukan lasak peringkat IPT dan kebangsaan.



## HEPA TERIMA LAWATAN

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dan Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa (JAKSIS) dengan kerjasama pejabat HEPA telah menerima lawatan dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu, Politeknik Sultan Abdul Halim Shah (POLIMAS) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi mengeratkan lagi perhubungan dan kerjasama.





## LAWATAN PELAJAR UTeM KE UNIVERISITI DI YOGYAKARTA TINGKATKAN KERJASAMA DAN KESEFAHAMAN SERANTAU



Bagi meningkatkan kerjasama dua hala antara universiti-universiti dalam dan luar negara Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengorak langkah dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke dua buah universiti terkemuka di Yogyakarta iaitu Universitas ATMA Jaya Yogyakarta (UAJY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM).

Seramai 10 orang pelajar yang terdiri daripada ahli kelab RIM dan pegawai Pejabat HEPA yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid telah menyertai lawatan ini. Turut serta di dalam lawatan ini ialah Timbalan Pendaftar Kanan HEPA Zainudin Ahmad.

## MUHD. NOOR RUSHDAN TERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN UTeM 2013



Mantan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sesi 2012/2013 Muhd. Noor Rushdan Abdullah telah dianugerahkan Anugerah Kepimpinan di dalam Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar bagi tahun 2013 yang telah diadakan di Arked Lestari, Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk, Durian Tunggal. Beliau menerima wang tunai sebanyak RM400.00, sijil penghargaan dan trofi. Selain mantan YDP MPP, beliau turut merupakan pengarah pelbagai program antaranya pengarah Konvo Fest UTeM ke 9, pengarah khidmat komuniti di Indonesia serta pengarah program Konvoi Bakti Khidmat Masyarakat peringkat kebangsaan.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor yang mewakili Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, YDP MPP UTeM Mohammad Nor Adnan Abu Bakar serta pengetua-pengetua kolej kediaman UTeM, pegawai-pegawai HEPA dan kira-kira 200 wakil-wakil fakulti, kelab dan persatuan.

Selain anugerah kepimpinan anugerah lain turut diberi seperti Anugerah Kebudayaan Individu dimenangi oleh Muhammad Izuddin Johari dari Kelab Kebudayaan Kasawari. Anugerah Kemasyarakatan kategori kumpulan dimenangi oleh Kelab Penyayang. Bagi anugerah kolej kediaman terbaik dimenangi oleh Kolej Kediaman Murni, Bukit Beruang. Bagi Anugerah Persatuan Fakulti terbaik pula dimenangi oleh Persatuan pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETSA) dan Anugerah Kelab atau Persatuan Terbaik dimenangi oleh Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS). Manaka Persatuan Inventif, Inovatif dan Pemikir Kreatif (ASCIIC) telah menenangi Anugerah Khas Juri dan Anugerah Inovasi. Pemenang bagi kategori individu menerima wang tunai sebanyak RM300.00, sijil penghargaan dan trofi manakala bagi kategori kumpulan, pemenang menerima wang tunai RM500.00, sijil penghargaan dan trofi.

## MH370 : MAHASISWA KOLEJ KEDIAMAN UTeM MURNI ADAKAN SOLAT HAJAT



Berikutan tragedi kehilangan pesawat MH370 yang masih lagi misteri, turut mengundang mahasiswa Kolej Kediaman UTeM Murni di Bukit Beruang, Melaka telah mengadakan Program Solat Hajat bagi mendoakan keselamatan penumpang pesawat MH370 di surau kolej kediaman tersebut yang turut dihadiri oleh seramai 60 orang pelajar.



## MPP UTeM BANTU SEKOLAH KEBANGSAAN GANGSA



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Gangsa (SKG) Durian Tunggal, Melaka telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Pengawas/ Pengawas Muda di Arked Lestari kampus induk Durian Tunggal, Melaka.

Menurut Exco Kepimpinan, Komunikasi dan Pembangunan Sahsiyah, Nurul Hamidah Mohamed, program ini dijalankan bagi mendekatkan lagi MPP UTeM bersama pelajar-pelajar sekolah sekitar negeri Melaka dengan menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti yang dirancang. Disamping itu, program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan UTeM kepada pelajar-pelajar supaya mereka berminat dengan kursus yang ditawarkan lebih-lebih lagi dalam bidang kejuruteraan. Program ini dibantu oleh 6 orang exco MPP dan 6 orang fasilitator yang merupakan rakan exco MPP. Antara program yang dijalankan ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) serta permainan bercorak kepimpinan dan motivasi. Turut diadakan aktiviti luar dan aktiviti pembinaan pasukan dan ceramah bertajuk "Be A Leader" oleh mantan YDP MPP Muhammad Nur Rusdan Abdullah.

## MPP DAN PEJABAT HEPA UTeM ANJUR KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI UNTUK KELAB



Setelah berjaya menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi untuk exco pada bulan lalu, sekali lagi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Pejabat Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) kepada Presiden dan wakil kelab dan persatuan di Dewan Seminar Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) kelmarin. Turut diadakan sesi ramah mesra bersama Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid di Arked Lestari.

Menurut Yang DiPertua MPP UTeM Muhammad Nur A'dnan Abu Bakar, kursus ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang misi, visi dan halatuju universiti dan HEPA, memberi pendedahan pengendalian mesyuarat, penulisan minit mesyuarat, sistem pengurusan sistem fail, persuratan rasmi dan kaedah penganjuran program.

Seramai 100 orang Presiden dan wakil kelab telah menghadiri kursus ini. Ceramah telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan HEPA, Zainudin Ahmad dengan tajuk "Tatacara Pengurusan Fail dan Persuratan Rasmi" dan Mohd Nizam Mazlan Penolong Pendaftar Kanan HEPA dengan ceramah bertajuk "Prosedur Penganjuran dan Penyertaan Program". Selain ceramah, turut diadakan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan "Ice Breaking".

## MAHASISWA MURNI UTeM TAWAN GUNUNG DATUK BERSAMA BELIA SETEMPAT KERJASAMA



Aktiviti riadah merupakan perkara yang sinonim dengan remaja khususnya dikalangan mahasiswa dimana ianya bukan sahaja menyihatkan tubuh badan bahkan turut menjadi prospek untuk melepaskan tekanan lebih-lebih lagi selepas berlalunya musim peperiksaan. Oleh kerana itu, Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa/Siswi (JAKSIS) UTeM Murni, D'Apartment dan Makmur telah mengambil inisiatif ini dengan mengadakan Ekspedisi Gunung Datuk di Rembau, Negeri Sembilan.

Ekspedisi yang julung-julung kalinya diadakan oleh JAKSIS ini telah berjaya menarik penglibatan daripada belia dan masyarakat setempat terutama daripada komuniti di Bukit Beruang dan Durian Tunggal, Melaka. Program ini juga telah membawa ke arah pembentukan persaudaraan antara mahasiswa serta belia yang berbeza latar belakang pengajian.



## MAHASISWA UTeM BERBAKTI DI SUMATERA BARAT



Dalam memfokuskan teknologi, kebajikan dan budaya setempat yang perlu dikongsi bagi meningkatkan nilai tambah selepas bergraduasi, seramai 25 orang mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Program Siswa Turun Ke Desa bertempat di Kampung Lubuak Batingkok, Payakumbuh, Padang Indonesia. Program anjuran Sekretariat Anak Melaka (SAM) UTeM ini mendapat kerjasama dari kerajaan Negeri Melaka dan Kabupaten Lima Puluh Kota Sumatera Barat. Turut menyertai program ini adalah Timbalan Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Zainudin Ahmad.

Menurut Pengarah Program Ikwadi Aufa Eldor berkata program ini diadakan bagi pelajar dapat mengenal dan mengetahui budaya masyarakat Minang di Sumatera Barat dalam pelbagai bentuk kegiatan dan amalan, dapat merapatkan hubungan antara dua negara, serta menerapkan dan membentuk sahsiah dan keperibadian mahasiswa dengan nilai-nilai murni yang boleh dipelajari daripada masyarakat setempat dan memperkenalkan UTeM di peringkat antarabangsa.



## KEM JALINAN MESRA PERKASAKAN KEPEMIMPINAN MAHASISWA KOLEJ KEDIAMAN UTeM



Kesinambungan dalam membentuk mahasiswa yang berkepimpinan dan berketrampilan tinggi diteruskan lagi oleh Jawatankuasa Kolej Kediaman Murni, D'Apartment & Makmur dengan penganjuran program Kem Jalinan Mesra Jawatan kuasa Kolej Kediaman Siswa-Siswi (Jaksis) Kolej Kediaman UTeM yang telah dianjurkan bertempat di Taman Seribu Bunga, Ayer Keroh di Melaka.

Program yang bertujuan mengilap serta memperkukuhkan ukhwah antara ahli jawatankuasa Kolej Kediaman ini sememangnya memberi impak yang positif dalam memantapkan Mahasiswa Kolej Kediaman UTeM itu sendiri.



Program berbentuk santai ini turut mengandungi beberapa sesi yang memberi aspek pengukuhan nilai peribadi dalam kalangan mahasiswa yang menjadi peserta. Antara yang menarik adalah program Eksplorace, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), sesi pertukaran dan percambahan idea bersama exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Shahrizan Othman, Felo Kolej Kediaman Murni.

## UTeM SERTAI SUKAN MASUM 2014



UTeM telah menghantar penyertaan ke Karnival Sukan MASUM 2014 yang telah diadakan pada 7 - 13 April 2014 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak dan Karnival Sukan Air di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya. Sebanyak 12 acara yang disertai. Pasukan UTeM berjaya mendapat 1 Pingat Emas dalam acara Petanque Single (W), 1 Pingat Perak dalam acara Men TK1 (500m), dan 4 Pingat Gangsa dalam acara Pencak Silat (W), Light Weight Women Double Scull (LW2X), Women Pair (W2-) dan Women Eight (W8+)



## UTeM ANJUR KEMPEN KESEDARAN JALANRAYA



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Noor Rushdan Abdullah berkata, program ini diadakan agar pelajar dapat mengetahui mengenai segala peraturan keselamatan jalanraya yang patut mereka patuhi semasa berada di dalam dan di luar kampus. Statistik menunjukkan banyak kemalangan berlaku terutamanya penunggang motosikal di kalangan mahasiswa berlaku apabila bermulanya semester baru. Dianggarkan lebih 60 peratus mahasiswa UTeM adalah penunggang motosikal yang selalu berulang alik dari kolej kediaman dan kampus serta sebaliknya setiap hari.

Majlis perasmian kempen ini telah dilakukan oleh Timbalan Exco Kerja Raya, Kemudahan Awam, Pengangkutan dan Pemulihan Projek YB Zaidi Atfan. Turut hadir di majlis ini Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Timbalan Pendaftar Kanan HEPA, Zainudin Ahmad, Yang DiPertua MPP Muhammad Nur A'dnan Abu Bakar dan kira-kira 100 pelajar UTeM.

## PEMIMPIN PELAJAR UTeM LAWAT KOREA SELATAN



Seramai 22 pemimpin pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan program pertukaran budaya kepemimpinan di Korea Selatan, baru-baru ini. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Profesor Madya Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, tujuan utama program pertukaran budaya itu diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengetahui perbezaan budaya di Korea Selatan dalam semua aspek kehidupan, amalan, adat resam dan kepercayaan membuatkan para peserta memahami akan perbezaan budaya itu adalah berdasarkan faktor demografik dan sejarah sesuatu tempat dan komunitinya.

"Semua peserta yang menyertai program ini adalah mantan anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM untuk sesi 2012/2013." Objektif kita ke Korea Selatan adalah bagi mengeratkan hubungan antarabangsa dan diplomatik antara pemimpin pelajar UTeM dengan pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi di luar negara sekali gus mewujudkan rangkaian antarabangsa di antara pelajar UTeM dan pelajar luar," katanya baru-baru ini. Selain daripada mewujudkan intergrasi antarabangsa dan pemimpin pelajar yang menyertai lawatan itu, ia juga dapat melihat kemajuan teknologi yang sudah dicapai oleh institusi pengajian di Korea Selatan. Turut serta dalam program ini, Zainudin Ahmad, Timbalan Pendaftar Kanan, dan Mohd Nizam Mazlan, Penolong Pendaftar Kanan. Encik Zainudin berkata, sepanjang program berlangsung, mereka turut berkesempatan untuk melawat dan mengadakan perbincangan dengan pihak Kedutaan Besar di Korea Selatan.

Sepanjang berada di sana, mereka juga dibawa melawat ke *Korea Advanced Institute of Science & Technology (KAIST)* dan *Yongsei University* bagi meninjau keadaan kemudahan pelajar seterusnya mengadakan perbincangan bersama pemimpin pelajar di kedua-dua universiti berkenaan. Selain institusi pengajian, pemimpin pelajar juga berkesempatan untuk melawat Digital Pavillion dan Samsung Group. Banyak teknologi terkini dapat dilihat dan dipelajari dalam lawatan ke dua-dua tempat berkenaan.



## PERTANDINGAN INNOFEST UTeM BERJAYA



Pertandingan sempena Festival Inovasi Antarabangsa anjuran Persatuan Inventif, Inovatif dan Pemikir Kreatif (ASCIIC) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), berjaya mencapai matlamatnya dengan mengumpul lebih 440 projek penyelidikan sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara.

Menurut Ketua Pengarah Program, S. Kanthaan, program berlangsung selama 2 hari di Dewan Besar telah disokong penuh oleh Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pendidikan seta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Antara tujuan program ini dijalankan adalah bagi memberikan pendedahan dan pengalaman kepada para mahasiswa dan pelajar untuk menjana idea bernas, meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi serta kemahiran insaniah untuk menyumbang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi yang diperlukan pada masa kini dan memperhalusinya untuk perkembangan masa depan negara dalam bidang sosial, ekonomi dan sains teknologi.

Antara pertandingan yang dijalankan pada hari pertama ialah pertandingan inovasi peringkat sekolah rendah, peringkat sijil dan peringkat diploma, manakala pada hari kedua dijalankan pula pertandingan penyelidikan diperingkat sekolah menengah, sarjana muda dan peringkat penyelidik.

## Nor Fadli dan Yeni Ermita Olahragawan dan Olahragawati UTeM 2013



Nor Fadli Nor Mohamed dan Yeni Ermita Daswir telah dinobatkan sebagai Olahragawan dan olahragawati UTeM tahun 2013.

Nor Fadli Nor Mohamed dipilih kerana banyak memenangi pingat peringkat dalam dan luar universiti. Antara pingat yang dipungut adalah 3 pingat emas di temasya olahraga tahunan UTeM, 1 gangsa di kejohanan olahraga terbuka Selangor, 2 pingat perak di kejohanan olahraga terbuka Melaka dan 1 pingat emas di kejohanan orienteering Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Bagi Yeni Ermita Daswir pula, beliau mendapat pingat gangsa di karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), pingat emas di kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Kuala Lumpur dan mewakili Malaysia dalam acara mendayung di Sukan SEA di Vietnam yang baru lalu.

## FESTIVAL ETNIK ANTARABANGSA UTeM SEMPENA FESTIVAL ANTARABANGSA SUNGAI MELAKA MERIAH



Festival Etnik Antarabangsa UTeM sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka anjuran Unit Kebudayaan dan Warisan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berlangsung dengan meriahnya di Taman Rempah, Melaka.

Festival anjuran UTeM ini adalah acara pertama bagi permulaan Festival Antarabangsa Sungai Melaka yang berlangsung selama sebulan anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Sungai Melaka.

Menurut pegawai kebudayaan UTeM Amir Ali, pelbagai acara menarik telah disediakan bagi pengunjung-pengunjung yang datang untuk menyaksikan persembahan dari pelajar UTeM, persembahan jemputan dari Universitas Karimun, Indonesia dan dari daerah pulau Meranti, Kepulauan Riau, Indonesia.



Turut menyaksikan persembahan pada malam tersebut adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Timbalan Pendaftar Kanan HEPA Zainudin Ahmad dan kira-kira 1000 pengunjung.



## BADAR UTeM ANJUR RUMAH TERBUKA



Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Pusat Islam dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan rumah terbuka di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.



Menurut Presiden BADAR sesi 2013/2014, Kamal Ismeth Abd Hamid, program ini diadakan adalah bagi memperkenalkan ahli-ahli jawatankuasa baru BADAR sesi 2013/2014 seterusnya mencari ahli-ahli baru bagi menyertai BADAR UTeM Program ini juga adalah untuk membentangkan perancangan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan nanti. Seramai lebih 130 orang pelajar UTeM menyertai program ini.

## FASILITATOR UTeM BANTU JAYAKAN PROGRAM UNIVERSITI



Seramai 160 fasilitator Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang terdiri dari siswa dan siswi pelbagai jurusan dan fakulti telah bersama-sama membantu menjayakan beberapa program universiti antaranya program pendaftaran pelajar baru serta Minggu Haluan Siswa (MHS) dan yang terbaru Majlis Ramah Mesra Menteri Mentor di Dewan Besar UTeM.



Menurut penyelaras fasilitator Haji Razali Abdol Jalil yang juga Penolong Pendaftar Unit Kerjaya dan Alumni Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berkata, kesemua fasilitator ini telah dilantik melalui sesi temuduga yang dijalankan pada bulan Mei yang lepas. Selepas pemilihan mereka telah menjalani sesi latihan fasilitator di UTeM dan Tanjung Bidara bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan tentang perjalanan sepanjang pendaftaran pelajar dan pengisian semasa MHS termasuk mengadakan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

## SKETSA PENDEK PELAJAR UTeM WAKILI MELAKA



Sketsa pendek yang bertajuk 'Dari Belia untuk Belia, Belia Cakna Warisan' yang dipentaskan oleh pelajar-pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sempena Program Belia Jom ke Putrajaya telah menjadi juara dan dipilih untuk mewakili negeri Melaka ke peringkat kebangsaan. Program anjuran Majlis Gabungan Belia Melaka (MBGM), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia ini telah menarik minat kebanyakan kelab teater Negeri Melaka.

Menurut jurulatih Kelab Teater UTeM yang merupakan Penolong Pegawai Kebudayaan UTeM, Shahrufadli Yahya, seramai 25 orang pelajar UTeM telah mengambil bahagian di dalam teater ini yang berlangsung di Melaka Mall. Tujuan kelab ini menyertai pertandingan tersebut adalah untuk mendedahkan ahli dengan corak pementasan sketsa secara realiti serta menimba pengalaman. Menerusi program yang dijalankan, setiap ahli diberi peluang untuk merasai sendiri suasana sesebuah pertandingan sketsa pendek dipertontonkan di khalayak ramai. Selain itu, mereka dapat meningkatkan semangat kerjasama dalam pasukan menerusi program yang diadakan di luar universiti.

Pertandingan akhir ini akan berlangsung di Putrajaya sempena Perkampungan Warna-Warni Belia Malaysia peringkat kebangsaan. Beliau mengharapkan kelab teater UTeM akan beroleh kejayaan di peringkat kebangsaan nanti bagi mengharumkan nama UTeM dan Melaka amnya.







Buletin HEPA  
**Keratan Akhbar**  
2013

**Dekati keindahan alam**  
Siswa UTeM tabur bakti

**INNOFEST serlah idea, produk inovasi pelajar**

**Karnival buku, komputer beri manfaat kepada pelajar**

**UTeM unggul kejohanan futsal**

**Perkukuh ukhuwah penghuni kolej**

**Beri peluang pelajar hasilkan produk inovasi**

**MPP UTeM anjur kursus pengurusan organisasi**

**52 calon akan bertanding wakil pelajar UTeM**

**Kunjungan muhibah 25 siswa UTeM ke Jawa Barat**

**MPP UTeM bantu SK Gangsa**

**3,000 Pelajar Dekati Pemimpin**

**Kembara berbasikal pupuk jati diri siswa**

**Minggu Haluan Siswa UTeM Lahir Siswa Berketerampilan**

**UTeM Jayakan Program Jalanan Mesra**

**MPP UTeM jalani kursus pengurusan**

**Persada UTeM anjur kem kepimpinan**

**UTeM jadi pusat lahir mahasiswa berjaya usahawan**

**Kempen kesedaran jalan raya UTeM bantu mahasiswa patuhi peraturan**

**Mahasiswa UTeM anjur solat hajat**

**watan pelajar UTeM ke u... Yogyakarta tingkat kerjasama**

**Universiti Thailand kagum kemudahan sukan di UTeM**

**Mahasiswa penggerak kemajuan negara**

**Pelajar UTeM terima bantuan pelajar**

**Hari Keluarga pejabat HEPA UTeM meriah**

**Hari Keluarga USRATI meriah**

**Teknologi sukan penting untuk negara**

**Program konvoi bakti**

**Mahasiswa UTeM tawan Gunung Datuk**

**Exco Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sertai Kursus Pengurusan Organisasi**

**Minggu Haluan Siswa Bentuk Insan Berketerampilan - Dr. Ahmad Yusoff**

**Program Hari Interaksi erat hubungan anak-anak Felda**

**Kompleks Sukan UTeM ikut piawai antarabangsa**

**Sempena Sambutan Maulud Rasul Pejabat HEPA UTeM anjur tazkirah**

**Semai bakti bersama JKM**

**Kem pupuk bakat kepimpinan**

**Semai Bakti pelajar UTeM**

**Mahasiswa UTeM solat hajat menjelang peperiksaan**

**Solat hajat hadapi peperiksaan**

**Warga UTeM berbakti di felda Kerteh**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**UTeM terima 2,493 pelajar baharu**

**Semai bakti bersama JKM**

**Kem pupuk bakat kepimpinan**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**

**Jajanan mesra ahli KEREX**





**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR SESI 2013 / 2014

**MPPUeM**  
UNITY, LEADERSHIP & INNOVATION

MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR

MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR



**PENOLONG YANG DI-PERTUA (PENERANGAN & KERJAYA)**  
ADLI MUQMIN BIN AZHAR  
adli17.srcutem1314@gmail.com  
013-2645885

**BENDAHARI**  
HARIZ IZHAM BIN JAFRI  
hariz.srcutem1314@gmail.com  
013-2603787

**NAIB YANG DI-PERTUA**  
MUHAMMAD ZHARIF BIN MD. ZAIDON  
zharifzaidon.srcutem1314@gmail.com  
012-5619436

**YANG DI-PERTUA**  
MUHAMMAD NUR A'DNAN BIN ABU BAKAR  
adnan.srcutem1314@gmail.com  
013-2608498

**SETIAUSAHA**  
NORHIDAYAH BINTI MAT SEMAN  
hidayahseman.srcutem1314@gmail.com  
014-5074775

**NAIB SETIAUSAHA**  
SITI MASYITA BINTI NORAZIMAN  
masyita.srcutem1314@gmail.com  
010-5200892

**PENOLONG YANG DI-PERTUA (KEBUDAYAAN & HAL EHWAL PELAJAR)**  
NOOR IZURA BINTI SHAIBANI  
izura.srcutem1314@gmail.com  
017-3752317



**EXCO SUKAN & REKREASI**  
FAIZ ADZHAR BIN ABDUL HALIM  
faiz.srcutem1314@gmail.com  
017-6141266

**ADIL MUIZZ BIN AZHAR**  
adil.srcutem1314@gmail.com  
013-2645858

**EXCO PENERBITAN & PUBLISITI**  
VINOD KUMAR A.L. ISWERAN  
vinod.srcutem1314@gmail.com  
017-6345789

**SHAHANA HANIM BINTI SAIDIN**  
shahana.srcutem1314@gmail.com  
013-6945814

**EXCO KEUSAHAWANAN**  
MOHD HELMI BIN MUSA  
helmi.srcutem1314@gmail.com  
017-2970995

**MEOR MUHAMMAD SHARIFUDIN BIN MAT ALI**  
meor.srcutem1314@gmail.com  
019-6590595



**EXCO DISIPLIN & KEROHANIAN**  
MUHAMMAD MARWAN BIN BAHRUDDIN  
marwan.srcutem1314@gmail.com  
012-9886726

**DURRA NUR NADWA BINTI ROSLAILI**  
durra.srcutem1314@gmail.com  
017-7035474

**EXCO KEBAJIKAN, KESUKARELAAN & KESEJAHTERAAN KOMUNITI**  
MUHAMMAD HAKIMI BIN IDRIS  
hakimi.srcutem1314@gmail.com  
012-3818037

**EXCO KEMEMPATAN, KEMUDAHAN & ALAM SEKITAR**  
MUHAMMAD ISMAIL BIN AHMAD  
ismail.srcutem1314@gmail.com  
017-9078360

**SITI NUR AZWATI BINTI ABD MANAP**  
azwati.srcutem1314@gmail.com  
011-24262132



**EXCO PERHUBUNGAN ANTARABANGSA & KORPORAT**  
ROZAIDI BIN ROZMAN  
rozaidi.srcutem1314@gmail.com  
017-4661698

**FARAH DIYANA BINTI AZNUL SHAHRIM**  
farahdiyana.srcutem1314@gmail.com  
012-4096605

**IQMAL AZID BIN ABDULLAH**  
iqmal.srcutem1314@gmail.com  
017-2680954

**EXCO HAL EHWAL PELAJAR ASING**  
SAMEH MOHSEN OMER KANZAL  
sameh.srcutem1314@gmail.com  
014-7012733

**EXCO KEPIMPINAN, KOMUNIKASI & PEMBANGUNAN SAHSIAH**  
MUHAMMAD AZFAR SYAZWAN BIN MD AZIZI  
azfar.srcutem1314@gmail.com  
010-7004909

**NURUL HAMIZAH BINTI MOHAMED**  
hamizahmohamed.srcutem1314@gmail.com  
016-2485359

**MOHAMAD FIRDAUS BIN H.J. YAHYA**  
firdaus.srcutem1314@gmail.com  
013-5584680



**EXCO AKADEMIK & HAL EHWAL FAKULTI**  
ADAM FITRI BIN KASNI  
adamfitri.srcutem1314@gmail.com

**FONG JIAN HUI**  
fong.srcutem1314@gmail.com

**EXCO HAL EHWAL PASCA SISWAZAH**  
SE SIAN MENG  
sianmeng.srcutem1314@gmail.com

**MOHD ZAIDAN BIN ABDUL AZIZ**  
zaidan.srcutem1314@gmail.com

Perwakilan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



سنة سعيدة مباركة  
والسلامة

# SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

MAAF ZAHIR DAN BATIN



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Khulas daripada*  
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka